



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 58
Bil. 22

12hb November 2005

*TAMBAHAN No. 3
ENAKMEN*

Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan (Pindaan) 2005 telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 15 Ogos 2005, manakala Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2005 telah diluluskan oleh Dewan Negeri Perak Darul Ridzuan pada 16 Ogos 2005. Kedua-dua Enakmen ini yang telah diperkenankan oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak pada 3 Oktober 2005, disiarkan untuk pengetahuan umum:

The Laws of the Constitution of Perak Darul Ridzuan (Amendment) Enactment 2005 was passed by the State Legislative Assembly Perak Darul Ridzuan on 15 August 2005, whereas the Members of the Administration of the Legislative Assembly (Remuneration) (Amendment) Enactment 2005 was passed by the State Legislative Assembly Perak Darul Ridzuan on 16 August 2005. Both Enactments which were assented by His Royal Highness the Sultan of Perak on 3 October 2005 are published for general information:

- | No. | Tajuk ringkas |
|-----|--|
| A3. | Enakmen Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan (Pindaan) 2005
Laws of the Constitution of Perak Darul Ridzuan (Amendment) Enactment 2005 |
| A4. | Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2005
Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) (Amendment) Enactment 2005 |

UNDANG-UNDANG NEGERI PERAK

Enakmen A4

BETA PERKENANKAN,

SULTAN AZLAN SHAH,
Sultan Perak

3 Oktober 2005

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) 1980.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Perak Darul Ridzuan seperti berikut:

Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Enakmen ini boleh dinamakan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) (Pindaan) 2005.

(2) Seksyen 2, 3 dan 4 hendaklah disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Januari 2004.

Pindaan seksyen 3

2. Enakmen Anggota Pentadbiran dan Dewan Negeri (Saraan) 1980 [*En. 5/1980*], yang disebut “Enakmen ibu” dalam Enakmen ini, dipinda dalam seksyen 3 dengan menggantikan perkataan “tiga ribu tujuh ratus tiga puluh lapan ringgit dan sembilan puluh sen” dengan perkataan “empat ribu satu ratus dua belas ringgit dan tujuh puluh sembilan sen”.

Pindaan seksyen 4**3. Seksyen 4 Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dalam subseksyen (1), dengan menggantikan perkataan “lima ribu lima ratus lima puluh tiga ringgit dan sembilan puluh sen” dengan perkataan “enam ribu satu ratus sembilan ringgit dan dua puluh sembilan sen”; dan
- (b) dalam subseksyen (2), dengan menggantikan perkataan “dua ribu empat ratus dua puluh ringgit” dengan perkataan “dua ribu enam ratus enam puluh dua ringgit”.

Pindaan seksyen 6**4. Subseksyen 6(1) Enakmen ibu dipinda—**

- (a) dalam perenggan (a), dengan menggantikan perkataan “dua belas ribu lapan ratus lapan puluh enam ringgit dan lima puluh sen” dengan perkataan “empat belas ribu satu ratus tujuh puluh lima ringgit dan lima belas sen”; dan
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan perkataan “lima ribu lima ratus lima puluh tiga ringgit dan sembilan puluh sen” dengan perkataan “enam ribu satu ratus sembilan ringgit dan dua puluh sembilan sen”.

Bertarikh 20 Julai 2005

[PSUK.Pk.(MAJ) P.KEW.N.Pk.D.R; PU.Pk. 56/80]

DATO' ENGU NOR FAIZAH BINTI ENGU ATEK
*Penasihat Undang-Undang Negeri
Perak Darul Ridzuan*

LAWS OF THE STATE OF PERAK

Enactment A4

I ASSENT,

SULTAN AZLAN SHAH,
Sultan of Perak

3 October 2005

An Enactment to amend the Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) Enactment 1980.

[]

ENACTED by the Legislature of the State of Perak Darul Ridzuan as follows:

Short title and commencement

1. (1) This Enactment may be cited as the Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) (Amendment) Enactment 2005.

(2) Sections 2, 3 and 4 shall be deemed to have come into operation on 1 January 2004.

Amendment of section 3

2. The Members of the Administration and the Legislative Assembly (Remuneration) Enactment 1980 [*En. 5/1980*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment, is amended in section 3 by substituting for the words “three thousand seven hundred thirty-eight ringgit and ninety cent” the words “four thousand one hundred twelve ringgit and seventy-nine sen”.

Amendment of section 4

3. Section 4 of the principal Enactment is amended—

- (a) in subsection (1), by substituting for the words “five thousand five hundred fifty-three ringgit and ninety cent” the words “six thousand one hundred nine ringgit and twenty-nine sen”; and
- (b) in subsection (2), by substituting for the words “two thousand four hundred and twenty ringgit” the words “two thousand six hundred and sixty-two ringgit”.

Amendment of section 6

4. Subsection 6(1) of the principal Enactment is amended—

- (a) in paragraph (a), by substituting for the words “twelve thousand eight hundred eighty-six ringgit and fifty cent” the words “fourteen thousand one hundred seventy-five ringgit and fifteen sen”; and
- (b) in paragraph (b), by substituting for the words “five thousand five hundred fifty-three ringgit and ninety cent” the words “six thousand one hundred nine ringgit and twenty-nine sen”.

Dated 20 July 2005

[PSUK.Pk.(MAJ) P.KEW.N.PK.D.R; PU.Pk. 56/80]

DATO' ENGU NOR FAIZAH BINTI ENGU ATEK

State Legal Adviser

Perak Darul Ridzuan

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA